

Manuskrip Al-Quran Madura: Analisis Ragam Hias Dalam Manuskrip Al-Quran Mss 4322

Siti Azwanie Che Omar*

*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
Email: siti.azwanie@yahoo.com*

Sedek Ariffin*

*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
Penulis Koresponden
Email: sedek2001@um.edu.my*

Nurul Huda Mohd Din*

*Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Seni Kreatif, UITM Shah Alam, Selangor, Malaysia
Penulis Koresponden
Email: huda_din@uitm.edu.my*

Tarikh Masuk: **28.08.2023**; Tarikh Diterima: **31.10.2023**; Tarikh Diterbitkan: **25.11.2023**

**Semua penulis menyumbang dalam kajian ini*

ABSTRAK

Salah satu keunikan yang terdapat pada al-Quran lama di Nusantara adalah mewahnya dengan kecantikan seni hias iluminasi. Ragam hias yang terdapat pada al-Quran kebiasaannya hanya terdapat pada bahagian hadapan, tengah dan akhir al-Quran. Setiap hiasan yang dilakarkan pada manuskrip membawa maksud tersendiri dan berkaitan dengan kehidupan masyarakat setempat. Oleh hal yang demikian, artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan sebuah manuskrip al-Quran yang berasal dari Madura Indonesia seterusnya menjelaskan secara terperinci berkenaan ciri-ciri dan ragam hias yang terdapat pada manuskrip al-Quran MSS 4322, yang telah menjadi koleksi di Perpustakaan Negara Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan berdasarkan kajian perpustakaan dan bahan sekunder seperti buku, manuskrip dan artikel jurnal. Temu bual bersama pakar juga dijalankan bagi memperolehi data berkaitan maklumat seni hias iluminasi pada manuskrip. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan manuskrip al-Quran MSS 4322 berasal dari negara Madura, Indonesia. Hal ini kerana tertulis pada manuskrip al-Quran nama Pangeran Jimat dan ratu Tirtonegoro yang merupakan pemerintah di Sumenep, Madura pada kurun ke-18 Masihi. Penelitian ini juga menunjukkan tulisan naskhah menggunakan kertas daluang dengan model tulisan gaya *naskhi* yang kemas, menarik dan konsisten ditulis dalam bingkai bergaris tiga dengan kombinasi warna merah dan hitam. Iluminasinya sangat indah dengan lukisan lingkaran daun hasil daripada kombinasi pelbagai warna. Jilidannya tebal, menggunakan kulit daripada pokok kayu yang diukir dengan lukisan bermotifkan flora yang berkerawang mengikut “*block*” nya disadur tembaga dan serbuk emas pada kulit dan kelepek jilidan tersebut. Daripada dapatan kajian ini, penulis mengemukakan cadangan supaya manuskrip ini dapat digitalkan sebagai warisan ilmunan supaya ianya kekal lama di samping membantu masyarakat untuk lebih mudah mengakses dalam bentuk digital yang lestari sifatnya. Konklusinya, ragam hias dalam manuskrip al-Quran ini merupakan karya agung yang akan meninggikan martabat seni hiasan hasil lukisan tangan ulama terdahulu secara akademik dan lebih berautoriti kepada generasi digital khususnya dalam bidang seni kreatif warisan budaya Islam, khususnya di Malaysia.

Kata kunci: *Manuskrip Al-Quran, Madura, Analisis, Ragam Hias, MSS 4322.*

Manuscript Al-Quran in Madura: Analysis of Ornamental in Manuscript Al-Quran Mss 4322

Siti Azwanie Che Omar*

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
Email: siti.azwanie@yahoo.com.

Sedek Ariffin*

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
Corresponding author
Email: sedek2001@um.edu.my.

Nurul Huda Mohd Din*

College of Creative Arts, UITM Shah Alam, Selangor, Malaysia
Corresponding author
Email: huda_din@uitm.edu.my

Received Date: **28.08.2023**; Accepted Date: **31.10.2023**; Available Online: **25.11.2023**

**These authors contributed equally to this study*

ABSTRACT

One of the uniqueness found in the old al-Quran in the archipelago is its luxury with the beauty of decorative illumination art. Ornaments found in the Quran are usually only found in the front, middle and end of the Quran. Each decoration sketched on the manuscript has its own meaning and is related to the life of the local community. Therefore, this article aims to introduce an al-Quran manuscript originating from Madura Indonesia and then explain in detail the characteristics and types of decoration found in the al-Quran manuscript MSS 4322, which has been collected in the National Library of Malaysia. This study uses analysis methods based on library research and secondary materials such as books, manuscripts and journal articles. Interviews also conducted to obtain data related to decorative illumination art information on manuscripts. The findings show that the manuscript al-Quran MSS 4322 originates from the country of Madura, Indonesia. This is because the names of Pangeran Jimat and queen Tirtonegoro are written on the manuscript of the Qur'an, who were rulers in Sumenep, Madura in the 18th century AD. This research also shows manuscript writing using daluang paper with a neat, attractive and consistent manuscript writing model written in a three-line frame with a combination of red and black. The illumination is very beautiful with the drawing of spiral leaves as a result of the combination of various colors. Hardcover is thick, using leather from a tree carved with a floral patterned drawing according to the "block" plated with copper and gold powder on the leather and flaps of the volume. Findings show that the author proposes that this manuscript can be digitized as a scholarly heritage so that it will last a long time while also helping the community to more easily access it in a digital form that is sustainable in nature. In conclusion, the ornamentation in this al-Quran manuscript is a masterpiece that will elevate the dignity of the decorative art of previous scholars' hand-drawn academically and more authoritatively to the digital generation, especially in the field of creative art of Islamic cultural heritage, especially in Malaysia.

Keywords: *Manuscript Al-Quran, Madura, Analysis, Ornamental, MSS 4322*

PENGENALAN

Salah satu keunikan yang terdapat pada mushaf lama al-Quran Indonesia adalah mewahnya dengan kecantikan seni hias iluminasi. Ragam hias yang terdapat pada al-Quran kebiasaannya hanya terdapat pada bahagian hadapan, tengah dan akhir al-Quran. Hiasan pada ketiga-tiga bahagian ini merupakan bahagian penting dalam seni naskhah al-Quran dan hampir terdapat pada kesemua al-Quran di Indonesia. Ragam hias yang sering diukirkan adalah ragam hias floral (tumbuh-tumbuhan) dan geometris. Pada masa yang sama, hiasan ini juga dijumpai pada tempat-tempat tertentu seperti hiasan pada kepala surah, tanda juzuk, nisf, ruba', thumun dan juga sajdah (Ali Akbar, 2018). Penyalinan mashaf al-Quran di Indonesia berlaku di pelbagai wilayah Islam pada masa lalu termasuk Aceh, Sumatera Barat, Riau, Banten, Palembang, Yogyakarta, Jawa Tengah, Madura, Lombok, Kalimantan Barat, Sulawesi Selatan dan Maluku. Jumlah warisan ini dianggarkan mempunyai 1500 naskhah yang kebanyakannya terdapat di muzium, perpustakaan, sekolah pondok, ahli waris dan pengumpul naskhah.

Di setiap ruang pada mushaf al-Quran dihias sesuai dengan ruang dan waktu penyalinan. Mengikut lokasi budaya tempatan, mushaf yang disalin menjadi faktor yang mempengaruhi variasi bentuk, motif dan warna iluminasi (hiasan). Unsur kreativiti tempatan adalah sebagai hasil serapan budaya setempat yang dapat dilihat dalam pola dan motif ragam hias yang sangat beragam. Masing-masing daerah memiliki ciri khas yang tersendiri. Di Indonesia, ragam hias yang ditonjolkan pada setiap mushaf di setiap daerah Indonesia adalah berbeza. Antaranya mushaf Jawa. Ianya mempunyai ciri yang tersendiri. Contohnya Jawa, Madura dan Lombok banyak menggunakan kertas dluwang sebagai alas tulis. Iluminasinya memperlihatkan menggunakan bentuk-bentuk segitiga di bahagian atas, tepi luar dan bawah pada iluminasi.

Manakala, di sebelah Utara Sumatera, Indonesia iluminasi yang dipamerkan berunsurkan ciri Melayu secara umum dengan gaya Pantai Timur seperti negeri Terengganu, Kelantan dan Pattani yang cukup terserlah gayanya. Namun, terdapat perbezaan pada warna dan tata letak halaman isi mushaf terutamanya pada gaya Pantai Timur dalam penggunaan emas atau warna kuning. Manuskrip yang mempunyai iluminasi seperti ini mencerminkan tradisi mushaf Melayu sesuai dengan wilayah Sumatera Utara sebagai wilayah kesultanan Melayu pada suatu ketika dahulu.

Seterusnya, ragam hias pada tradisi mushaf Minangkabau. Mushaf ini banyak menonjol pada gaya iluminasi, warna dan tata letak halaman isi mushaf. Penggunaan blok panel motif floral yang meruncing di bahagian atas, tepi luar dan bawah iluminasi. Warna merah sangat dominan yang digores berirama serta tata letak halaman teks ayat yang membolehkan tepi halaman kosong yang cukup lebar (Ali Akbar, 2018).

Manakala, iluminasi Aceh pula merupakan salah satu daerah yang memiliki kebudayaan dengan corak keislaman. Iluminasi gaya Aceh dapat dilihat pada bahagian awal, tengah dan akhir mushaf. Kebanyakan iluminasi khas Aceh dicirikan dengan pola dasar iluminasi dan warnanya. Lakaran yang dibuat mempunyai sisi kanan dan sisi kiri luar seperti "sayap kecil" yang diukirkan padanya. Selain itu, segi empat berhias pada sekitar bidang teks sering diisi dengan salur ikal berwarna putih, dan juga di bahagian-bahagian tertentu sering terdapat motif jalinan. Manakala, warna yang menjadi pilihan pada motif Aceh adalah merah, kuning, hitam dan putih iaitu warna kertasnya sendiri. Motif-motif ini tidak hanya terdapat pada mushaf al-Quran sahaja, tetapi termasuk naskah-naskah keagamaan yang lain dan termasuk naskah hikayat. Pola dan motif sulur dalam iluminasi Aceh adalah bervariasi. Namun, secara umum memperlihatkan tahap pola tertentu. Pewarnaannya pula, dapat dikatakan selalu beragam untuk mudah dikenalpasti bahawa ianya adalah motif yang berasal dari negeri Aceh (Nico.Indra & Rika, 2019).

Iluminasi pada naskhah Cirebon mempunyai dua unsur iaitu kulit binatang, kertas dluwang, lontar dan kertas Eropa. Kedua adalah unsur pewarna yang digunakan untuk mewarnai iluminasi. Menurut Sawiyah, yang berasal dari Kabupaten Cirebon, bahan pewarna yang digunakan untuk menulis di dalam naskhah termasuklah warna marun dihasilkan daripada akar mengkudu. Warna merah dihasilkan daripada lipstick atau gincu. Warna kuning dihasilkan daripada kunyit yang diparut hingga lembut kemudian dikeringkan. Warna biru dihasilkan daripada nila, buah tarum atau mangsi sejenis buah yang menghasilkan

cecair berwarna biru jika diperah. Warna hitam dihasilkan daripada arang yang ditumbuk halus, jelaga atau daun bumbu yang dibakar kemudian dihaluskan. Warna putih pula dihasilkan oleh bahan baku tulang sapi yang dibakar, kemudian ditumbuk hingga halus. Iluminasi di Cirebon mempunyai dua unsur iaitu motif utama dan hiasan penunjang. Kadang-kadang ada juga yang memiliki satu unsur sahaja tanpa hiasan. Inilah sebahagian iluminasi daripada mashaf-mashaf lama yang berada di Indonesia. Keindahan mushaf yang terdapat pada al-Quran menandakan penyalin mushaf al-Quran mempunyai cita rasa seni hias yang sangat tinggi. Lukisan- lukisan serta ukiran-ukiran yang ditonjolkan juga menunjukkan kekayaan seni Islam yang menjadi perpaduan budaya Islam dengan budaya tempatan (Fadhil & Rosehan, 2005).

SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini memfokuskan kepada manuskrip al-Quran MSS 4322 yang menjadi koleksi di Perpustakaan Negara Malaysia. Dalam artikel ini, penulis menggunakan metode analisis kandungan berdasarkan kajian perpustakaan dan bahan sekunder seperti buku, manuskrip dan artikel jurnal. Temu bual bersama pakar juga dijalankan bagi memperoleh data berkaitan maklumat seni hias iluminasi pada manuskrip.

PENYALINAN MANUSKRIP AL-QURAN DI MADURA

Madura atau lebih sinonim dengan pulau Madura terletak di sebelah Timur Laut Jawa Timur. Pulau Madura mempunyai anggaran besar lebih kurang 5.168 km (lebih kecil daripada pulau Bali (Van Der Meij, 2017). Dengan kepadatan rakyatnya seramai 20 juta orang, pulau ini diduduki oleh suku Madura yang terdiri dari satu etnis suku dengan populasi besar Indonesia. Mereka ini datang dari pulau Madura dan pulau-pulau kecil di persekitaraan seperti Pulau Gili Raja, Sapudi, Raas da Kangean atau di bahagian Jawa Timur yang dikenali dengan tempat Tapal Kuda yang terletak di Pasuruan utara Banyuwangi (Rochana, 2012). Kebanyakan masyarakat Madura adalah pemeluk agama Islam yang kuat pegangannya. Majoritinya seratus peratus beragama Islam. Jika adapun yang bukan Islam, mereka adalah bukan dari penduduk asal di Madura (Samsul, 2015).

Sejarah penulisan al-Quran di Madura tidak dapat diketahui secara pasti bila, di mana dan siapa tokoh yang pertama sekali melakukan kajian terhadap al-Quran di Madura. Namun begitu, secara pastinya tradisi penulisan al-Quran berlangsung seiring dengan kedatangan dan penyebaran Islam di wilayah Madura iaitu pada kurun 15 Masihi. Hal ini adalah kepercayaan mutlak kerana masyarakat tidak mungkin memahami ajaran Islam tanpa mempunyai proses dialog dengan kitab sucinya. Hal ini terbukti dengan adanya beberapa karya dalam kajian al-Quran yang berkembang di Madura, baik berbahasa Madura, bahasa Indonesia bahkan bahasa Arab (Herman, 2014). Penyalinan al-Quran secara tradisional telah berlangsung sehingga kurun ke 19 Masihi atau awal abad ke 20 Masihi. Kemudian barulah kemunculan mesin cetak. Oleh sebab itulah, para ulama dan orang alim menulis al-Quran pada ketika itu, kerana menjadi satu keperluan kepada masyarakat Madura sebagai panduan untuk memahami al-Quran secara jelas dan mengamalkan isi kandungannya.

Pengenalan manuskrip al-Quran yang berjudul “MSS 4322” ini, diperolehi daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Ianya dihantar oleh Tuan Haji Yahya Abdul Rahman pada tahun 2010. Kertas khas yang digunakan pada manuskrip al-Quran MSS 4322 ini dikenali sebagai kertas daluang yang berwarna putih kekuningan. Terdapat hanya sedikit kotoran dan kebanyakan halaman berada dalam keadaan yang baik. Keseluruhan teks juga terpelihara kerana telah melakukan langkah-langkah pemeliharaan dengan menyapu kapur baru pada manuskrip supaya tidak dirosakkan oleh serangga di samping menjaga ketahanan kertas dan jilidan. Daripada penelitian penulis, manuskrip ini masih kekal tulisannya sehingga ke hari ini. Hal ini kerana jilidan kulitnya yang tebal dihasilkan daripada pokok kayu yang diukir dengan lukisan bermotifkan flora. Berkerawang mengikut “*blok*” nya yang mana disadur

tembaga dan serbuk emas pada kulit dan kelepek jilidan tersebut (Katalog manuskrip, 2018). Sesungguhnya, ulama terdahulu menulis al-Quran bagi memudahkan proses pengajaran, pembelajaran atau sebagai simpanan peribadi. Selain itu, manuskrip al-Quran MSS 4322 mempunyai ketebalan setinggi 4.2 sentimeter, panjang 33.5 sentimeter dengan lebar 23 sentimeter persegi. Keseluruhan mashaf terdapat 606 muka surat kesemuanya. Manuskrip ini dipercayai hak milik Sultan Raden Ahmad dan ahli keluarganya. Hal ini kerana tertulis pada halaman awal dan akhir lembaran nama “Pangeran Jimat” dan Ratu Tirtonegoro. Kedua-dua mereka merupakan pemerintah Sumenep, Madura pada kurun ke-18 Masihi. Daripada keterangan tersebut dianggap manuskrip ini berasal daripada Madura.

CIRI-CIRI MANUSKRIP AL-QURAN MADURA

Illuminasi sering dikaitkan dengan “the art of beautifying object than clarifying the content” iaitu keindahan yang ditempatkan sebagai hiasan atau gambar muka (*frontispiece*) di hadapan manuskrip al-Quran. Apabila bercerita mengenai naskhah-naskhah al-Quran di Madura, unsur iluminasi merupakan signifikan terpenting dalam naskhah-naskhah tersebut. Kepentingan ini jelas, apabila sebuah naskhah al-Quran itu mempunyai iluminasi yang cantik. Unsur seni yang dilukis dalam naskhah-naskhah al-Quran merupakan seni lukis tradisional yang diwarisi daripada generasi terdahulu dan diterapkan dalam hiasan naskhah-naskhah al-Quran (Ding Choong Ming, 2016).

Dalam iluminasi naskhah al-Quran Madura, tidak dijumpai unsur fauna atau haiwan kerana ia bersesuaian dengan fahaman Islam yang melarang penggunaan fauna dalam apa jua hiasan. Kebiasaannya, jurutulis dan juruhias naskhah al-Quran akan menerapkan unsur bentuk hiasan yang bermotifkan daun dan dahan flora yang berkaitan pola-pola geometri dan unsur seperti bunga kembang, bunga teratai, bunga melur, bunga cengkeh serta bunga-bunga sekitarnya dalam dunia masyarakat Madura. Secara tuntasnya, iluminasi yang terdapat dalam manuskrip al-Quran di Madura dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu warkah yang mempunyai iluminasi penuh dan iluminasi sebahagian. Iluminasi penuh dihiasi dengan pelbagai bentuk hiasan dengan penggunaan unsur flora secara umumnya. Kedua, iluminasi sebahagian, hanya mempunyai sebilangan kecil unsur flora sahaja. Justeru, penggunaan corak iluminasi dalam naskhah al-Quran sangat penting kerana ianya menjadi simbolik atau lambang jati diri identiti kehidupan masyarakat Madura itu sendiri (Ab Razak, 2006). Sebagai hasil seni yang halus, hiasan pada lembaran al-Quran merupakan dokumen yang sungguh kaya dengan bahasa visual. Di dalamnya terungkap falsafah pemikiran dan budaya Melayu, yang jelas mengisytiharkan ketinggian tamadun dan kehalusan budi.

Sudah menjadi kebiasaan jurutulis manuskrip al-Quran dalam menghiasi sesebuah naskhah al-Quran. Di Madura bagi membezakan taraf dalam masyarakat atau menggambarkan nilai-nilai estetika yang sememangnya sudah ada dalam diri masyarakat Madura. Gallop dalam penyelidikannya (2002) menyatakan bahawa kedudukan hiasan dalam kitab-kitab di dunia Melayu termasuk manuskrip al-Quran sering ditemui pada halaman hadapan, tengah-tengah dan bahagian akhir teks naskhah. Pada halaman akhir teks terdapat kolofon. Kolofon dalam manuskrip Madura berbentuk dua halaman berhias dan ia berbentuk segitiga menirus ke bawah sehingga ke satu titik yang lain (Salawati, 2017).

Reka Bentuk

Reka bentuk merupakan elemen utama dalam memperindah sesebuah manuskrip. Dalam mushaf Madura, format reka letak hiasan dalam manuskrip adalah dalam bentuk segi empat tepat dan menegak. Reka bentuk sedemikian digunakan untuk membentuk bingkai pada kandungan teks di dalamnya. Bahagian bingkai dipenuhi dengan hiasan sehingga ke bahagian jidar. Terdapat sebahagian mashaf bingkai yang berlapis kerana garisan tepi berombak dan beralun tetapi bersirat bentuk asal pada setiap jidar akan menghasilkan bentuk bujur. Hiasan seperti ini menghasilkan hiasan mewah dengan pelbagai motif flora bunga-bunga dengan ciri-ciri kemelayuan masih tetap dikekalkan (Dzul Haimi, 2007).

Hiasan Bingkai

Hampir semua naskhah-naskhah Madura di Indonesia secara umumnya menggunakan hiasan berbentuk bingkai yang fungsinya sebagai pembingkai teks, ianya agar teks akan kelihatan lebih indah. Bingkai terbahagi kepada dua iaitu bingkai biasa dan bingkai berhias. Kebanyakan bingkai biasa lebih menjurus kepada hiasan yang membingkaikan teks yang hanya terdiri daripada garis-garis lurus atau bingkai teks gaya empat sisi. Bingkai yang menggunakan garis-garis pada empat sisi tersebut beragam. Terdapat satu, dua, tiga dan empat garis. Tambahan pula, garis-garis tersebut ada yang dibuat dengan pensil atau diwarna dan digaris dengan dakwat yang berlainan warnanya dan terdapat juga warna di dalamnya.

Dalam naskhah-naskhah tulisan Madura kebiasaannya menggunakan hiasan bingkai biasa. Hal ini kerana pembuatannya yang sangat sederhana dan tidak memerlukan keterampilan khusus. Penulis dan penyalin naskah kebiasaan membuat hiasan bingkai yang biasa kerana setiap bingkai hiasan sedikit atau banyak bergantung kepada peruntukan masa yang lama dan kesabaran yang tinggi dalam menghasilkan hiasan tersebut. Seterusnya, bingkai berhias dimiliki oleh naskhah-naskhah yang teksnya mengandungi ayat-ayat al-Quran pada surah-surah yang pendek. Contohnya, surah al-Fātiḥah dan surah al-Nās. Kedudukan bingkai berhias akan menghiasi di beberapa halaman di awal teks dan di akhir teks dan agak jarang di bahagian tengah teks. Hal ini jelaslah, dalam penghasilan sebuah manuskrip al-Quran seni lukis iluminasi menjadi kewajipan kepada penulis untuk mencoraknya bagi memastikan nilai dan kualiti manuskrip yang dihasilkan dapat memiliki ilmu dari pengarang karya yang menulis untuk masyarakat.

Bingkai Berganda

Bingkai berganda atau double frame merupakan dua bingkai teks yang terdapat di dalam satu halaman naskhah. Biasanya bingkai berganda ini mempunyai dua garis tegak lurus pada sisi kanan dan kiri teks. Sisi bawah dan sisi atas teks dibiarkan terbuka tanpa garis. Dalam dua garis tegak lurus tersebut diberi hiasan dengan tulisan Arab sehingga membentuk kotak-kotak kecil. Pada bingkai sebelah kanan pula bahagian atas tidak tertutup dibiarkan terbuka dengan hiasan bunga. Dalam penggunaan bingkai berganda pada mushaf al-Quran lama di Madura hanya mengandungi tiga atau satu bingkai hiasan berganda. Contoh naskah yang terdapat hiasan bingkai berganda adalah naskhah Dalail al-Khairat dan kitab Maulid.

Warna

Dalam hiasan manuskrip al-Quran, penggunaan warna memainkan peranan penting dalam tarikan kepada pembaca. Warna yang sering digunakan pada lukisan adalah hitam, merah, biru kuning, hijau dan emas. Warna yang menjadi kekerapan adalah merah, hitam dan kuning. Warna kuning keemasan digunakan pada bingkai. Warna biru dan hijau digunakan pada daun-daun yang melingkar. Secara amnya, warna merah, kuning, hijau dan biru mempunyai hubungan dengan kualiti alam. Manakala warna putih, hitam dan kuning mempunyai kepercayaan hubungan dengan kualiti jiwa (spirit) atau roh Tuhan yang turun melalui cahaya, meluas secara horizontal di bumi dan dikaitkan dengan kualiti alam yang melibatkan panas, sejuk, kering dan basah. Ianya di transfomasikan melalui gerakan ke dalam jiwa. Warna merah dan hitam menjadi keutamaan pengarang sebagai kegunaan tulisan pada teks. Kebiasaannya permulaan ayat dimulakan dengan warna merah sebagai tanda permulaan bacaan sebelum membaca al-Quran. Warna kontras ini lebih menarik perhatian berbanding teks yang sama warnanya di dalam satu mushaf. Hampir kesemua naskhah-naskhah di Madura mempunyai iluminasi sama ada melibatkan naskhah keagamaan atau bukan keagamaan dengan kepelbagaian warna yang diambil daripada alam semulajadi (Zuriati, 2010). Dalam mushaf Madura warna yang sering digunakan adalah warna yang


terang seperti warna merah, hijau, hitam dan kuning. Warna yang dominan seperti merah dan hijau banyak digunakan.

Motif

Motif adalah corak pada kertas lukisan. Motif yang banyak digunakan dalam mushaf al- Quran adalah corak tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan yang dipilih untuk dilukis kebanyakan berdasarkan persekitaran masyarakat Madura. Motif-motif ini diubah melalui banyak proses modifikasi sehingga sukar difahami oleh penyelidik. Namun begitu, pengkarya-pengkarya ini masih meninggalkan identiti asal motif tersebut. Warna asal pada bunga masih dikekalkan. Hiasan flora yang mewah pada manuskrip masih mengekalkan ciri-ciri estetika Melayu. Bentuk kubah dan tebar layar juga diletakkan pada bahagian tengah jidar kepala, jidar luar dan jidar ekor. Corak berbentuk islamik digambarkan sebagai tanda ikutan ajaran Islam di Nusantara. Begitu uniknyanya pemikiran masyarakat Madura suatu ketika dahulu menjadikan unsur alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan pada bunga, pucuk, putik, daun, ranting dilukis pada mushaf secara tunggal, menjalar, bertabur dan mendatar. Orang Madura menggunakan kreativiti mereka dengan melihat kecantikan alam yang diadaptasi dengan kehidupan mereka. Tumbuhan menjalar antara tumbuhan palihan para pengkarya dalam menghasilkan motif-motif pada mushaf. Tumbuhan menjalar juga sering dikaitkan dengan motif sulur buyung. Motif ini sering kali dikaitkan sebagai tumbuhan yang saling berpaut antara satu sama lain. Hiasan dalam manuskrip al-Quran juga dipengaruhi dengan reka bentuk seni bina rumah. Kubah potong bawang atau tebar layar akan kelihatan pada bahagian jidar kepala, jidar ekor dan jidar luar. Selain itu, terdapat juga manuskrip al-Quran hiasan pada tebar layar sehingga ke puncak tebar layar. Puncak tebar layar dikenali sebagai buah butung (buton) yang banyak terdapat dalam seni bina rumah tradisional. Kedudukan motif ini berada di puncak di tebar layar. Dalam hiasan manuskrip al-Quran, hiasan kubah atau tebar layar berada di ketiga-tiga jidar. Manakala, bunga akan memenuhi melingkari keseluruhan kubah dan tebar layar. Pelbagai warna akan memenuhi pada tebar layar dan kubah ini. Pada bahagian kubah dan tebar layar ini terdapat buah buton atau mahkota atap bagi tujuan keindahan. (Zuriati, 2010). Bagi masyarakat Madura hiasan adalah sebahagian daripada kehidupan mereka yang tidak dapat dipisahkan. Hiasan yang sering digunakan pada mushaf al-Quran seperti terdapat pada peralatan yang biasa digunakan seperti balai, almari, pintu rumah, jendela, meja, kerusi serta perabot rumah yang lain. Hiasan atau ukiran yang ada pada perkakas tersebut hampir mempunyai kesamaan sehingga bagi orang yang pernah mengamati hiasan Madura pasti akan mengenalpasti hiasan tersebut adalah milik orang Madura. Daerah yang terkenal dalam menghasilkan hiasan Madura ini adalah Desa Sekar Duluk, Sumenep. Seorang budayawan iaitu Sulaiman menyebutkan bahawa orang Madura itu “ukiran minded”. Banyak hiasan Madura mendahulukan hiasan utama berbanding hiasan tambahan dan fesyen.

Motif hiasan Madura yang terkenal adalah lukisan berbentuk timbul yang berupa sulur gelung. Lukisan ini lebih sederhana sama ada pada hiasan utamanya dan fesyennya. Hiasan yang biasa digunakan adalah daun atau pokok buah buni yang biasanya berbuah dalam bentuk ganjil seperti tiga, lima, tujuh dan seterusnya. Contohnya daun buah anggur, terung, tomato dan cili. Hiasan pada mashaf Madura mempunyai persamaan dengan hiasan pada benda-benda tradisi lain di Madura. Dalam naskhah Madura, hampir semuanya memiliki ciri hiasan dengan garis ukir besar, tidak terlalu terperinci dengan komposisi warna hijau, merah dan hitam. Hampir semua warna tersebut digunakan di daerah Madura. Warna merah diambil daripada akar mengkudu atau bunga kaktus merah. Warna lainnya biasa diambil daripada biji ketapang.

Hiasan Madura mudah dijumpai dengan mudah pada bangunan-bangunan tua di Sumenep seperti rumah, masjid, tempat kediaman para raja, perahu dan pemakaman Asta Tinggi.



Gambar 1. Contoh bentuk hiasan berbentuk jangoleng (lukisan timbul) di Madura
(Sumber: Muzium Keraton)

Kertas

Menurut ahli sejarah, kertas mula dicipta di negara China oleh seorang yang bernama Ts'ai Luh iaitu seorang pegawai istana maharaja Cina pada tahun 105 selepas Masihi. Kertas itu diperbuat daripada reja-reja kain, pukut ikan, kulit kayu dan pokok hemp 131. Di Nusantara, pada peringkat awal kertas yang digunakan di import dari China, India dan Persia (Iran). Menurut Profesor Siti Hawa Salleh, kebanyakan manuskrip Melayu ditulis menggunakan kertas Cina dan Arab. Tidak ada tarikh yang tepat menunjukkan orang Melayu mula menulis menggunakan kertas tetapi dijumpai pada naskhah Hikayat Seri Rama yang ditulis oleh Archbishop Laud pada tahun 1603 Masihi.

Pada masa yang sama orang di Jawa juga telah mengeluarkan dan menggunakan kertas tradisional sendiri yang dikenali sebagai dluang. Kertas dluang dihasilkan daripada kulit kayu yang direndam dan dipukul sehingga menjadi helaian untuk menulis. Dalam kalangan orang-orang Belanda di Indonesia, dluang dikenali sebagai inlandse papier iaitu kertas peribumi. Daerah yang banyak menghasilkan kertas dluang ini ialah Ponogoro, Jawa Timur, Purworedjo, Jawa Tengah dan Garut, Jawa Barat. Pokok kayu yang menjadi pilihan ialah pokok saeh (*Broussonetia Papyrifera*) anggaran umur antara setahun kerana pokok yang lebih tua akan mempunyai kulit yang kasar. Cara pembuatannya ialah selepas kulit kayu pokok berkenaan diperolehi ianya akan direndam di dalam air selama satu malam untuk melembutkannya. Kemudian, kulit kayu akan dipukul dengan alat tembaga. Bagi mendapatkan kertas yang tebal dan kuat, beberapa keping kulit kayu akan ditindih dan dipukul sehingga menjadi satu helaian. Seterusnya, helaian yang telah dipukul akan direndam semula, dibasuh dan dijemur. Kemudian, barulah dibalut pada batang pisang, digilap dengan bahan yang sesuai dan boleh digunakan untuk menulis. Begitulah pembuatan kertas suatu ketika dahulu yang begitu rumit sehingga setiap penghasilannya amat dihargai. Di Madura suatu ketika dahulu, memiliki alternatif untuk mendapatkan kertas iaitu dengan membeli kertas Eropa di Surabaya (daerah Ampel). Cara lain yang dilakukan mereka juga akan menghasilkan kertas tradisional sendiri yang diperbuat daripada kulit pohon yang disebut juga dlancang, daluang atau dlubeng. Cara pembuatan kertas mereka daripada bahan jerami, herba dan tepung ubi. Cara penghasilannya seperti penghasilan keropok iaitu akan dikeringkan. Hal ini jelas membuktikan bahawa masyarakat Madura mampu menghasilkan kertas mereka sendiri. Tempat pembuatan kertas yang popular di Madura ialah daerah Kecamatan Ambunten, Sumenep (Wan Ali, 1988).

Pena Dan Dakwat

Pena suatu ketika dahulu adalah suatu alat tulis yang sukar diperolehi. Oleh sebab itulah, ianya menjadi suatu alat yang penting. Di Nusantara, bahan yang dipilih untuk dibuat pena ialah bulu ayam atau lebih tepat lagi bulu pelepah yang terdapat pada ayam, itik, angsa dan burung. Penggunaan bulu pelepah ini lebih mudah didapati kerana terdapat pada binatang. Ciri-ciri bulu yang dipilih mestilah batang yang keras dan dihujung agak keras untuk diraut menjadi mata pena. Seorang penulis Itali Giovanni Battista Palatino dalam tulisannya ada menyatakan pelepah untuk menulis oleh penulis-penulis rekod hendaklah daripada angsa yang dipelihara. Pelepah yang keras dan kecil lebih baik daripada yang besar kerana boleh digunakan dengan lebih mudah dan cepat. Tidak penting dari sayap mana pelepah itu diambil. Oleh sebab itu, di Madura, menurut Kiai D Zawawi Imron pada tahun 1950 dakwat tradisional biasanya dibeli daripada mereka yang menghasilkan di daerah sekolah pondok bernama Nyi Santi. Penghasilan dakwat di sekolah pondok ini diperbuat daripada daun semambu dan air mata air dan mengalami proses kimia. Tradisi penghasilan dakwat oleh pihak sekolah pondok banyak dihasilkan apabila mendapat sambutan masyarakat setempat pada ketika itu (Wan Ali, 1988).

DAPATAN KAJIAN

Seni Hias Dalam Manuskrip Al-Quran Mss 4322

Seni hias dalam al-Quran bermaksud sesuatu yang dilakukan oleh mudhahib atau dikenali sebagai penghias manuskrip untuk memperindahkan lembaran al-Quran. Antara yang menjadi tumpuan adalah pada bahagian muwajjah iaitu lembaran pertama sesebuah manuskrip yang berhias penuh. Seni hias yang terdapat pada al-Quran juga boleh dijadikan sebagai kayu ukur dalam membicarakan kualiti kesenian Islam yang mana telah lama wujud pada awal abad pertama hijrah lagi. Hiasan yang terdapat pada al-Quran atau dalam bahasa Arab disebut sebagai *tazhib* mula diperkenalkan oleh Saidina Ali Bin Abi Talib pada abad pertama hijrah. Perkara ini telah direkod oleh Dust Mohammad dalam buku catatannya. Landskap manuskrip al-Quran MSS 4322 secara keseluruhannya lebih menekankan kepada gaya hiasan khusus di mana manuskrip al-Quran MSS 4322 dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian lembaran depan, tengah dan belakang. Majoriti al-Quran daripada Alam Melayu cukup popular dengan bentuk hiasan lembaran seperti ini. Kaedah ini telah lama diperkenalkan semenjak zaman pemerintahan Uthmaniah dan Safavid (dinasti Safawiyah, Iran) lagi (Dzul Haimi, 2007).

Di bahagian hadapan naskhah al-Quran MSS 4322 mempunyai empat lembaran berhias. Satu, lembaran berhias untuk surah al-Fātiḥah. Dua, lembaran berhias untuk bahagian awal surah al-Baqarah iaitu juzuk Alif Lam Mim. Tiga, lembaran berhias nama “Pangeran Jimat” dan keempat lembaran berhias untuk kalimah “bismillahirrahmanirrahim”. Sesungguhnya penulis menggunakan konsepimbangan menerusi surah adz-Dzaariyaat 52:49 dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 yang mana dari segi susun atur komposisi lembaran berhias manuskrip, penulis tidak meletakkan satu lembaran berhias untuk surah al-Fātiḥah dan dua lembaran berhias untuk bahagian awal surah al-Baqarah. Seterusnya, di bahagian tengah naskhah, manuskrip mempunyai dua lembaran berhias pada surah al-Kahf. *Mudhahib* telah memilih surah al-Kahf pada ayat 18:18 sebagai *tazhib* untuk kiraan perkataan. Al-Sayuti dalam kitabnya al-Itqan ada menyatakan bahawa terdapat beberapa pertimbangan dalam menjelaskan persoalan di bahagian tengah al-Quran., sama ada dilihat pada huruf, perkataan, ayat dan surah, seperti mana kiraan perkataan surah al-Kahf pada ayat “wal-yatalat ta” yang diwarnakan dengan dakwat merah. Pengarang telah memilih surah al-Kahf kerana secara simboliknya, surah ini telah dianggap oleh masyarakat Melayu sebagai “hati al-Quran” yang dikaitkan dengan hati manusia. Kemungkinan, konsep hati al-Quran dalam kalangan orang Melayu diambil daripada perkara yang diperkatakan oleh Baihaqi dalam kitabnya yang bertajuk Kitab al-Da’awāt al-Kabīr yang menyatakan bahawa cahaya akan menyinar dengan terangnya kepada sesiapa sahaja yang membaca surah al-Kahf ayat 18, dan akan terus bercahaya sehingga hari jumaat yang berikutnya (Dzul Haimi, 2007).

Berikutnya, di belakang manuskrip al-Quran MSS 4322. Pada bahagian akhir al-Quran terdapat banyak surah pendek, maka metode penghiasannya berbeza daripada bahagian hadapan dan tengah. Oleh sebab bentuk-bentuk surahnya pendek maka setiap surah al-Falaq yang ke 113 dan al-Nās 114, mempunyai hiasan kepala dan ragam hias yang menonjol dan memikat. Sememangnya hiasan di lembaran akhir al-Quran ini juga bertindak sebagaiimbangan kepada empat lembaran berhias di bahagian hadapan dan empat lembaran berhias di bahagian belakang. Bahagian pertama, lembaran hiasan pada surah al-Falaq, kedua, lembaran hiasan surah al-Nās. Ketiga, lembaran hiasan kalimah “al-Quranulkarim” dan keempat lembaran hiasan nama “Nyai Izzah Ratu Tirtonegoro”. Mereka adalah kakak ipar dan adik perempuan kepada Pangeran Jimat dan kedua-duanya juga merupakan isteri kepada Bindara Saod. Tuntasnya, bahagian hadapan manuskrip dianggap sebagai pembuka atau penyambut ayat Allah SWT, maka bahagian belakang juga diberi perhatian yang sama iaitu diakhiri dengan segala keindahan. Sementara bahagian tengah sebagai tanda hati al-Quran.

Selain itu, reka bentuk letak posisi surah al-Fātiḥah dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 seakan-akan berada di satah yang teratas, yang mana ayat tersebut seakan-akan berada di ruang yang tidak terikat dengan permukaan dua dimensi reka letak lembaran al-Quran itu. Ia berada dalam ruang yang tersendiri dan tidak pada permukaan lembaran. Penyataan ini telah memberi makna secara literal dengan memasukkan motif awan yang terapung-apung dalam hiasan al-Quran yang membaluti ayat al-Quran baris demi baris dalam lembaran surah al-Fātiḥah dan awal surah al-Baqarah. Setiap motif awan yang

dilukiskan pada manuskrip mempunyai bentuk yang berlainan dan juga mengikut panjang dan pendek perkataan. Manakala, tulisan kalimah *basmallah* pada huruf sin (س) pula telah dipanjangkan oleh pengarang. Di sekeliling bingkai kotak *basmallah* dan juzuk Alif Lam Mim dihiaskan dengan corak tumbuhan. Motif-motif tumbuhan dilukis secara mujarad sebagai tanda mewakili alam ciptaan Allah. Sumber alam sering dijadikan inspirasi oleh pengarang kerana menurut pandangan Ismail dan Lamyah al-Faruqi, seniman Islam berkarya dengan melihat alam tetapi tidaklah meniru kejadian alam itu secara sejadi. Sebaliknya mereka membuat gambaran alam secara abstrak sahaja. Penggunaan motif alam dalam lembaran awal manuskrip mengingatkan pembaca dan seniman tentang gambaran sebuah taman syurga yang dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan hijau yang segar. Kebanyakan pengarang meletakkan seni hias pada surah al-Fātihah kerana surah ini adalah surah yang pertama dan popular dalam al-Quran yang wajib dibaca di dalam solat dan upacara keagamaan bagi orang Islam (katalog PNM, 2018).

RAGAM HIAS MANUSKRIP AL-QURAN MSS 4322

Ragam hias adalah visualisasi dalam suatu karya kerajinan atau seni yang bertujuan untuk menghias (Ramdi, 2019). Ragam hias yang dapat dikenalpasti pada manuskrip al-Quran MSS 4322 terbahagi kepada tiga bahagian iaitu warna, format dan motif.

Warna

Dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 ini, pengarang menggunakan warna hitam dan emas sebagai warna utama pada teks tulisan. Selainnya warna biru pada bunga kembang dan dinding hiasan, warna hijau pada hiasan jidar luar, warna merah pula digunakan pada bunga kembang dan hiasan jidar kepala dan warna kuning pada motif sulur daun.

Format

Kesemua format reka letak dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 adalah segi empat tepat dan menegak. Rekabentuk tersebut digunakan untuk membentuk bingkai pada kandungan teks di dalamnya. Manakala, pada bahagian luar bentuk segi empat tepat yang menegak dimuatkan dengan bentuk-bentuk yang dasarnya merupakan garisan yang tersirat dengan bentuk segi tiga. Bentuk tersebut mempunyai jidar kepala, jidar luar dan jidar ekor lembaran. Tiada hiasan pada bahagian jidar dalam dan tetulang manuskrip. Bentuk segi tiga yang terdapat pada bahagian jidar kepala dan jidar ekor bermula pada bingkai pertama dan kedua dalam bentuk segi empat menegak dan menindani bingkai yang akhir, dan terus ke bahagian yang kosong pada jidar-jidar tersebut. Di samping itu, ianya juga berbentuk organik. Bentuk ini lebih kepada gambaran kepada bentuk-bentuk flora. Bentuk flora tumbuh daripada bingkai teks dan memenuhi kawasan jidar kecuali pada jidar tetulang tanpa hiasan. Hiasan pada lembaran manuskrip ini juga dipenuhi dengan hiasan hingga ke bahagian jidar-jidarnya. Bahagian tepi bingkai teks dilukis dengan garisan tepi yang beralun atau berombak tetapi masih tersirat berbentuk asal segitiga pada jidar kepala, jidar luar dan jidar ekor. Walaupun agak mewah dengan motif-motif flora, tetapi ciri-ciri estetika Melayu masih lagi dikekalkan pada manuskrip al-Quran MSS 4322.

Motif

Motif yang digunakan adalah motif sulur yang berbentuk flora yang memenuhi ruangan antara segi empat bingkai hiasan dan kandungan teks. Motif tersebut juga memenuhi bahagian dalam kubah. Unsur-unsur warna yang dipamerkan antaranya warna emas, kuning, merah dan hijau. Daripada kertas kosong yang berwarna putih, kemudian disulami dengan motif flora dan diwarnakan. Warna putih kertaslah yang membentuk gambar bunga-bunga atau tumbuhan flora tersebut.



Rajah 2. Motif Flora
(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)

Terdapat juga motif sulur di bahagian jidar luar, jidar kepala dan jidar ekor di bahagian kiri dan kanan. Bentuk sulur yang digambarkan pada jidar luar menjadikan kesemua bunga-bunga menghala ke arah keluar manakala di bahagian tengah pula bunga-bunga akan berada di bahagian tengah. Bingkai ini juga menggunakan format bentuk organik sebagai hiasannya. Format bentuk organik dilukis dalam ukuran yang lebih kurang sama pada setiap bentuk yang terdapat pada jidar kepala, jidar luar dan jidar ekor. Tiang yang tebal telah digunakan pada manuskrip ini kelihatan mudah dan tidak rumit dengan gaya hiasannya. Kedapatan tersebut terdapat pada bentuk kubah pada bahagian tengah jidar kepala, jidar luar dan jidar ekor. Kubah-kubah ini mengandungi hiasan. Pada bahagian luar bentuk segi empat memuatkan bentuk kubah pada jidar kepala. Bentuk kubah atau tebar layar pada manuskrip ini mempunyai seni bina seakan-akan rumah tradisi Melayu.



Rajah 3. Bentuk kubah atau tebar layar Manuskrip al-Quran MSS 4322
(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)


Dalam penghasilan lembaran berhias, penekanan diberikan terhadap aspek keseimbangan bukan sahaja antara kedua-dua lembaran rektro dan verso yang membentuk komposisi corak yang simetri, bahkan juga antara bahagian hadapan manuskrip iaitu selaku pembuka mashaf (Dzul Haimi, 2007). Berikut merupakan lembaran penuh muka hadapan tengah dan belakang manuskrip al-Quran MSS 4322:

Hadapan




Hiasan ini dikategorikan dalam kumpulan motif sulur. Sulur yang dilukis pada jidar luar. Saiznya besar dengan alunan yang bersemarak.

Tengah




Hiasan ini juga dikategorikan dalam kumpulan motif sulur. Sulur yang dilukis pada jidar luar. Saiznya adalah besar dengan alunan yang bersemarak seperti lembaran muka hadapan.

Belakang



Hiasan ini dikategorikan dalam kumpulan sulur juga. Struktur format memberi komposisi yang dinamik. Bingkai tersebut ditimbulkan oleh garisan tersirat yang putus dan harmoni. Garisan tersirat digambarkan pada garis putus-putus dalam lakaran.

**Rajah 4. Iluminasi penuh pada lembaran hadapan, tengah dan belakang
Manuskrip Al-Quran MSS 4322
(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)**



Rajah 5. Lakaran Ragam Hias Manuskrip Al-Quran MSS 4322
(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)

Berikutnya, hiasan pada tajuk surah-surah al-Quran dan jidar manuskrip pula adalah sederhana dan lebih berbentuk fungsional. Tajuk surah biasanya diletakkan dalam bingkai teks dan ditulis menggunakan dakwat merah sebagai pemisah antara surah. Tanda awal surah dilukis dengan garis persegi dengan dakwat berwarna merah. Di jidar manuskrip pula, terdapat beberapa tanda seperti tanda juzuk yang diwarnakan dengan warna merah. Pada tanda juzuk diberi tanda dengan tulisan berbeza warna dengan teks naskhah, iaitu warna merah dengan tulisan yang lebih tebal. Namun terdapat pada beberapa lembaran yang lain ditambah dengan tulisan kaligrafi hias di tepi naskhah (Huda, 2022). Berikut adalah tanda juzuk di dalam mushaf Pangeran Jimat, manuskrip al-Quran MSS 4322:



Rajah 6. Seni hias juzuk Manuskrip Al-Quran MSS 4322
(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)

Seterusnya, tanda pemisah yang digunakan dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 adalah seragam. Ia terbentuk daripada bulatan berwarna merah berbentuk bulatan dan ditanda dengan titik berwarna hitam




dan kedua tanda titik sahaja seperti berikut



contohnya pada ayat



. Tanda pemisah seperti ini adalah dominan, yang digunakan kebanyakan masyarakat Melayu di Nusantara suatu ketika dahulu semasa menulis al-Quran. Manakala tanda pemisah

bulatan merah yang dipenuhi warna emas dengan titik dakwat berwarna merah  digunakan pada naskhah al-Quran di dalam istana atau dalam kalangan raja. Tanda pemisah berwarna emas hanya digunakan pada surah al-Fātihah dan juzuk Alif lam Mim sahaja dalam manuskrip al-Quran MSS 4322.



Rajah 7. Jenis-jenis tanda pemisah dalam Manuskrip Al-Quran MSS 4322
(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)

Walaupun bagaimanapun, rupa bentuk kaedah penulisan tanda pemisah ayat ini, sebenarnya ia menggambarkan tradisi yang dominan di Jawa Timur dalam aspek penulisan dan pewarnaan mushaf al-Quran (Mustaqim, 2013). Naskhah yang lebih mewah biasanya dihiasi dengan tinta emas seperti pada surah al-Fātihah dan juzuk Alif Lam Mim sahaja. Berbanding naskhah yang lebih sederhana pula hanya menggunakan warna merah. Manakala, simbol dan tanda-tanda lain tidak didapati oleh penulis.

Iluminasi pada bahagian akhir naskhah mempunyai hiasan yang ringkas. Hanya tulisan yang memenuhi pada lambaran kertas. Di akhir penulisan 30 juzuk, setelah pengarang selesai menulis surah al-Nās (Katalog PNM, 2018). Pengarang hanya melukis hiasan bulatan dan meletakkan nama kakak ipar dan adik perempuan Pangeran Jimat iaitu Nyai Izzah Ratu Tirtonigoro.



Rajah 8. Seni hias nama Nyai Izzah Ratu Tirtonigoro
(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)

Jadi, warna-warna yang digunakan dalam mushaf al-Quran ini terdiri daripada warna hitam merah dan emas. Hitam dan merah merupakan warna utama yang dihasilkan daripada dakwat dan digunakan untuk penulisan teks-teks al-Quran. Warna merah pula, mungkin dihasilkan daripada tumbuhan digunakan untuk hiasan dan menyerlahkan tajuk surah dan tanda-tanda tertentu termasuk *hizb*, juzuk, pemisah ayat serta simbol-simbol teks seperti tanda mad dan seumpamanya. Mengenai warna emas yang dihasilkan daripada emas dan tinta emas penggunaannya adalah terhad untuk menghiasi tulisan dan corak tertentu di bahagian hadapan manuskrip.

JILIDAN

Proses menyatukan rangkaian kertas-kertas secara berurutan ke dalam bentuk buku dengan cara menjahit atau melekat disebut sebagai penjilidan. Bagi menjamin pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip supaya kekal lama dan tidak rosak, pengarang akan membuat penjilidan (Kamus Dewan, 2014) Selain itu, penjilidan juga berfungsi untuk memudahkan manuskrip untuk di bawa ke mana sahaja supaya setiap halaman tidak mudah terkoyak. Manuskrip al-Quran MSS 4322 diserahkan kepada pihak Perpustakaan Negara Malaysia untuk disimpan dan dijadikan bahan kajian penyelidikan. Jilidan yang diserahkan kepada pihak Perpustakaan Negara Malaysia, masih elok dan boleh digunakan sehingga ke hari ini

walaupun sudah 12 tahun simpanannya di Pusat Manuskrip, Perpustakaan Negara Malaysia di Kuala Lumpur.



Rajah 9. Bentuk jilidan Manuskrip al-Quran MSS 4322
(Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia)

Rajah 9 menunjukkan kulit hadapan dan belakang manuskrip al-Quran MSS 4322 beserta jilidannya. Pengarang menutup ayat-ayat al-Quran yang ditulis dengan menggunakan jilidan keras yang diperbuat daripada kulit kayu di muka hadapan dan belakang manuskrip. Sistem penjilidannya dengan teknik jahit pada bahagian belakang naskhah. Sampulnya menggunakan penutup yang menyambung ke bahagian awal. Penyambung mushaf menggunakan kertas dluwang. Setiap helaian kertas yang dicantum oleh pengarang akan dijahit dengan teliti dan rapi. Pihak Perpustakaan Negara Malaysia sangat menitikberatkan penjagaan terhadap kesemua manuskrip yang telah dihantar kepada pihak mereka bagi menjaga amanah dan nilai kualiti setiap manuskrip (Katalog PNM, 2018).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, seni dan ragam hias yang diukir oleh pengarang pada lembaran manuskrip al-Quran MSS 4322 terpancar dengan seni hias alam Melayu yang dipengaruhi oleh seni bina hiasan berbentuk lukisan timbul dan hiasan bermotifkan tumbuh tumbuhan berwarna kuning, biru dan merah. Keunikan ciri dan reka bentuk yang diilhamkan oleh penulis pada coretan naskhah ini menunjukkan orang Madura begitu kritis pemikirannya terhadap seni lukisannya untuk melukis bingkai hadapan yang bermotifkan benda di sekeliling mereka seperti flora dan alam sekitar bagi menarik minat pembaca untuk membacanya. Pada dasarnya, gaya hiasan al-Quran di alam Melayu khususnya Madura dapat dikenalpasti dari aspek penggunaan warna. Warna tersebut adalah warna merah dan kuning. Reka letak lembarannya mudah tetapi mempunyai kekuatan yang tersirat secara tersendiri sebagai suatu komposisi yang lengkap. Motif sulur dalam variasinya begitu banyak digunakan. Begitu juga, motif flora tempatan banyak diambil walaupun tidak diketahui nama-nama khusus motif tersebut.

Begitu juga dengan sistem penjilidan. Cara penjilidan al-Quran yang betul juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk memelihara manuskrip al-Quran supaya tidak rosak. Penyalinnya telah menggunakan kulit kayu sebagai bahan untuk menjilid manuskrip al-Quran MSS 4322. Pada bahagian kelepek jilidan tersebut disadur tembaga dan serbuk emas yang dijahit kemas dan rapi. Hal ini jelaslah, gaya hiasan al-Quran di alam Melayu mempunyai keunikan serta keistimewaan yang tersendiri. Inilah khazanah serta warisan Islam dari dunia Melayu yang diketengahkan untuk tatapan bersama kepada generasi yang akan datang.

RUJUKAN

- Ab Razak Ab Karim. (2006). *Illuminasi dan Kaligrafi Dalam Warkah-Warkah Melayu*. Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Melestarikan Manuskrip Melayu Warisan Agung Bangsa.
- Ali Akbar. (2018). *Manuskrip Al-Quran di Sumatera Utara: Menelusuri Asal Usul*. Katalog Mashaf Al-Quran Lama di Sumatera Utara.
- Ding Choong Ming. (2016). *Sumber Maklumat Peribumi Manuskrip Melayu Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Dzul Haimi Md Zain. (2007). *Ragam Hias Al-Quran Di Alam Melayu*. Utusan Publication & Distributors. Kuala Lumpur
- Eko Ramdi Fauzi. (2019). *Menggambarkan Motif Ragam Hias*. Diakses 2019. <http://sumber.belajar.kemdikbud.go.id>.
- Fadhal AR Bafadal & Rosehan Anwar. (2005). *Mashaf-Mashaf Kuno di Indonesia*, Jakarta: Puslitbang Lektur Keagamaan Badan Litbang dan Diklat Keagamaan Departemen Agama RI.
- Herman Busri. (2014). *Islam Di Madura Abad ke 14-16 Masehi Perspektif Historis*. Disertasi Fakulti Adab dan Ilmu Budaya Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga Jogjakarta
- Kamus Dewan, ed ke 4. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1014, entri "Penjilidan".
- Manuskrip al-Quran MSS 4322. (2018). *Katalog Manuskrip Melayu*, Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan kesepuluh. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia
- Muhammad Mustaqim Mohd Zari. (2013). "Manuskrip Al-Quran Koleksi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Kajian Dari Aspek Kodikologi dan Ilmu Rasm Al-Quran", *Jurnal Filologi Melayu*, Jil.20, Perpustakaan Negara Malaysia
- Nico Andeska, Indra Setiawan & Rika Wirandi. (2019). *Identifikasi Ragam Hias Pada Iluminasi Mushaf Al-Quran Lama Koleksi Pedir Museum*. Jurusan Seni Rupa dan Desain. Institut Seni Budaya Aceh.
- Rochana, T. (2012). "Orang Madura: Suatu Tinjauan Antropologis." *Humanus* 11. no.1. 46-51.
- Salawati Abdul Wahab, Ab Razak Ab Karim & Norazlin Hamidon. (2017). *Ragam Hias Dalam Manuskrip Melayu Kitab-Kitab Maulid*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu. Perpustakaan Negara Malaysia.40.
- Samsul Ma'arif. (2015). *The History of Madura, Sejarah Panjang Madura dari Kerajaan Kolonialisme Sampai Kemerdekaan*, Yogyakarta: Araska Publisher
- Van der Meij. (2017). Th C. *Indonesian manuscripts from the islands of Java, Madura, Bali and Lombok*. Handbook of Oriental Studies. Section 3 Southeast Asia. volume 24, Leiden: Brill. 5
- Wan Ali Wan Mamat. (1988). *Pemuliharaan Buku Dan Manuskrip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 31-32.
- Zuriati.2010. Iluminasi Naskah-Naskah Minangkabau. *Jurnal Filologi Melayu* No.17.Padang: Universitas Andalas.